



KENYATAAN MEDIA

MEMACU INDUSTRI KOMUNIKASI KE HADAPAN: PRESTASI CEMERLANG MALAYSIA DALAM IDI 2023

CYBERJAYA, 7 FEBRUARI 2024 --- Penerbitan terkini daripada Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU): <https://www.itu.int/itu-d/reports/statistics/IDI2023/> berhubung Indeks Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) 2023 (IDI 2023) meletakkan Malaysia dalam kalangan pendahulu bagi pembangunan telekomunikasi di pentas global.

Malaysia telah meraih skor sebanyak 94.5 daripada jumlah keseluruhan 100 mata, melepasi skor purata global iaitu 72.8 mata, sekali gus menunjukkan pencapaian cemerlang ke arah mencapai sasaran Kesalinghubungan Sejangat dan Bermakna (*Universal and Meaningful Connectivity*). Analisis ke atas laporan tersebut menunjukkan **Malaysia berada di kedudukan ke-15 dunia dan ke-3 di rantau ASEAN**.

Indeks IDI 2023 merangkumi 10 indikator. Antaranya, IDI 2023 melaporkan bahawa Malaysia telah hampir mencapai liputan sejangat bagi rangkaian mudah alih 4G/LTE, langganan jalur lebar mudah alih yang tinggi serta harga yang lebih rendah untuk perkhidmatan jalur lebar tetap dan mudah alih. Malaysia turut merekodkan kadar penggunaan Internet, pemilikan telefon bimbit dan trafik internet yang tinggi. Kesemua pencapaian berkenaan jelas menunjukkan akses yang mapan kepada perkhidmatan digital serta penglibatan digital secara meluas di Malaysia.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, “Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan untuk merealisasikan kesalinghubungan sejangat dan bermakna buat semua rakyat Malaysia, dengan keterangkuman sebagai pemacu utama dalam memastikan perkhidmatan komunikasi adalah merata (*ubiquitous*).”

Dengan sokongan padu dan kerjasama pelbagai pihak, pelaksanaan infrastruktur digital telah dipercepat dengan penerimgunaan *Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I)* oleh kerajaan-kerajaan negeri, serta penubuhan Jawatankuasa Penyeragaman Kos Caj dan Fi Pembangunan Infrastruktur Komunikasi yang diluluskan oleh Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri (MBKM).

Sokongan daripada semua pihak berkepentingan telah membolehkan MCMC memajukan perancangan dan pelaksanaan liputan 5G dan satelit bagi menangani cabaran kesalinghubungan di kawasan pedalaman dan terpencil. Setakat 31 Disember 2023, pelaksanaan 5G di Malaysia telah mencapai 80.2 peratus liputan di kawasan berpenduduk.

Sementara itu, kerajaan melalui MCMC akan terus mengadakan libat urus dengan semua pihak berkepentingan dan Rakyat bagi memastikan Malaysia mencapai kesalinghubungan yang bermakna dan sejagat untuk semua.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: +60 3 86 88 80 00 | F: +60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV